

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. TUAN MASIR KUJAT [ SRI AMAN ]**

**TARIKH : 23.3.2015**

**SOALAN :**

**Tuan Masir Kujat [ Sri Aman ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan sama ada benarkah lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM)/Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dari negeri Sarawak benar-benar tidak berkelayakan untuk diambil berlatih menjadi guru seperti tersiar dalam surat khabar Borneo Post baru-baru ini. Jika benar, apakah langkah Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Dasar Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) adalah tidak mengabaikan peluang kepada mana-mana pelajar lepasan SPM untuk memohon Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PPISMP) di Institut Pendidikan Guru (IPG). Pemilihan calon guru dibuat berasaskan kepada kriteria skor merit calon, jantina, bidang yang ditawarkan, lulus Ujian Inventori Sahsiah Keguruan (INSAK) dan diperaku oleh panel temu duga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, permohonan anak-anak Negeri Sarawak bagi mengikuti PPISMP Ambilan Jun 2014 ialah 5,292 calon. Jumlah yang layak dipanggil Ujian Kelayakan Calon Guru (UKCG) dan menepati syarat asas ialah 1,713 orang calon. Bilangan yang lulus UKCG

dan dipanggil untuk tapisan terakhir iaitu temu duga adalah 665 orang calon. Dari jumlah ini, seramai 398 calon telah berjaya ditawarkan pengajian di IPG. Jika dibandingkan bilangan calon yang dipanggil temu duga dan bilangan calon yang berjaya menunjukkan **59.85% calon anak Negeri Sarawak telah berjaya ditawarkan** kemasukan mengikuti PPISMP Ambilan Jun 2014 di IPG.

KPM akan membuat pendekatan khas untuk calon Sarawak dan Sabah dari segi **syarat asas akademik** kemasukan ke PPISMP di IPG daripada 5 Gred Cemerlang di peringkat SPM kepada hanya **6 Gred Kepujian** termasuk Bahasa Melayu serta lulus Bahasa Inggeris **khususnya** kepada calon anak-anak Penan di Sarawak dan calon anak-anak Orang Asli/Pedalaman. Mereka juga akan menjalani proses pemilihan "ranking" mengikut negeri masing-masing dan ditemu duga dalam kalangan mereka sahaja. Sementara pelantikan Panel Penemuduga akan diberi keutamaan kepada panel tempatan.